e-BULETIN HASiL
EDISI 5/2025
LHDN MALAYSIA

# INISIATIF TERKINI HASiL

Wah, senangnya!

## e-Invois

Garis Panduan Spesifik e-Invois Versi 4.4 dan Soalan Lazim bagi Perkhidmatan Kewangan, Pembrokeran Saham, Unit Amanah dan Perkhidmatan Pengurup Wang telah dikemaskini.

## Program Memfail Dokumen yang Ditentukan di Bawah Seksyen 22EB ACAPL 1990 Melalui MITRS Untuk Entiti Labuan

Inisiatif meningkatkan kecekapan pelaporan kewangan antarabangsa

## e-Derma

Saluran digital untuk memudahkan urusan permohonan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967

## e-Kompaun

Kemudahan bayaran kompaun secara elektronik yang lebih pantas dan mudah

## FOKUS EDISI

### Berita HASiL Edisi 2/2025

Penerbitan yang mengetengahkan informasi dan pemakluman terkini HASiL

### Sijil Pematuhan Cukai (TCC)

Dokumen rasmi yang dijadikan prasyarat permohonan perolehan kerajaan

# e-Invois

## Digitalkan perniagaan anda hari ini.

Wah, senangnya!



Maklumat lanjut:
www.hasil.gov.my/e-invois

**Garis Panduan Spesifik e-Invois Versi 4.4 dan Soalan Lazim bagi Perkhidmatan Kewangan, Pembrokeran Saham, Unit Amanah dan Perkhidmatan Pengurup Wang telah dikemaskini.**

**Rujuk dokumen menerusi pautan berikut:**

**Garis Panduan Spesifik e-Invois Versi 4.4**

**Soalan Lazim bagi Perkhidmatan Kewangan, Pembrokeran Saham, Unit Amanah dan Perkhidmatan Pengurup Wang**




# SEMINAR & TAKLIMAT PERCUMA *e-Invois*

**HASiL menganjurkan siri seminar, taklimat dan webinar percuma bagi memperkukuh kefahaman berhubung pelaksanaan e-Invois. Program ini:**

- Terbuka kepada semua pihak berkepentingan.
- Dilaksanakan secara berperingkat mengikut kumpulan sasaran

**Program e-Invois**

**Maklumat lanjut mengenai siri program e-Invois boleh diperoleh melalui Laman Mikro e-Invois atau pautan**

Maklumat Lanjut Mengenai e-Invois:

- Rujuk laman mikro e-Invois di Portal Rasmi HASiL: https://www.hasil.gov.my;
- Hubungi Meja Bantuan e-Invois HASiL di 03-8682 8000 (Talian 24 jam);
- MyInvois Live Chat;
- E-mel myinvois@hasil.gov.my; atau
- Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois



LHDN MALAYSIA

# PROGRAM MEMFAIL DOKUMEN

## YANG DITENTUKAN DI BAWAH SEKSYEN 22EB ACAPL 1990 MELALUI MITRS UNTUK ENTITI LABUAN

**Bermula 1 September 2025, entiti Labuan perlu mengemukakan dokumen di bawah Seksyen 22EB ACAPL 1990 melalui aplikasi Malaysian Income Tax Reporting System (MITRS) di portal MyTax.**

**Sebagai permulaan, dokumen yang perlu dikemukakan adalah:**

- Penyata kewangan beraudit / akaun penyelesai;
- Salinan resit pembayaran zakat – Seksyen 8A ACAPL 1990 (jika berkaitan); dan
- Pengiraan lengkap insentif yang dituntut (jika berkaitan).

**Dokumen hendaklah dikemukakan dalam Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris. Jika dalam bahasa lain, terjemahan rasmi dalam Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris perlu disertakan.**

**Pengemukaan dokumen hendaklah dibuat menerusi pautan https://mytax.hasil.gov.my dalam tempoh 30 hari selepas tarikh akhir pengemukaan penyata keuntungan.**

**Akses maklumat lanjut menerusi portal rasmi HASiL di https://www.hasil.gov.my**

Klik > Menu Borang

Klik > Program Memfail Dokumen Yang Ditentukan Di Bawah Seksyen 22EB ACAPL 1990 Melalui MITRS

# e-Derma

**1**

Sistem perkhidmatan dalam talian baharu yang memudahkan urusan permohonan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

**2**

Boleh diakses oleh Institusi dan Organisasi (IO) menerusi portal MyTax mulai 20 Ogos 2025.

**3**

Membolehkan IO mengemukakan permohonan secara dalam talian serta menyemak status kelulusan permohonan dengan lebih mudah dan efisien.

**Layari:**

https://mytax.hasil.gov.my

- Klik > Daftar Masuk
- Klik > Pilih Peranan Pengarah Syarikat / Pentadbir Organisasi
- Klik > Pilih Institusi atau Organisasi berkenaan
- Klik > Perkhidmatan ezHasil
- Klik > e-Derma

# e-Kompaun

Boleh diakses oleh majikan dan pembayar cukai syarikat melalui portal MyTax mulai 30 Jun 2025.

Akses e-Kompaun menerusi https://mytax.hasil.gov.my

> Daftar Masuk
> Menu Perkhidmatan ezHasil
> e-Kompaun

Membolehkan pengguna menyemak, mengemukakan permohonan serta membuat bayaran kompaun secara kendiri dalam talian bagi kesalahan berikut:

- Kelewatan pembayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) pekerja
- Kelewatan/ kegagalan mengemukakan anggaran cukai syarikat (Borang CP204)
- Kelewatan pembayaran arahan potongan cukai (CP38) pekerja

## Sebelum Pengenalan e-Kompaun

Notis bertulis Pemberitahuan Memulakan Tindakan Pendakwaan (PTP) dikemukakan melalui pos

Permohonan penyelesaian melalui kompaun hanya boleh dibuat dengan menghubungi atau hadir ke Premis HASiL bagi mendapatkan Bil Kompaun sebelum sebarang pembayaran dibuat.

## Selepas Pengenalan e-Kompaun

Notis PTP boleh disemak secara dalam talian melalui portal MyTax.

Permohonan kompaun boleh dibuat secara dalam talian dan Bil Kompaun akan dikeluarkan terus melalui platform tersebut tanpa perlu hadir secara fizikal ke Premis HASiL.

LHDN MALAYSIA

# Berita HASiL Edisi 2/2025

**Kini diterbitkan dan boleh diakses di Portal Rasmi HASiL.**

BERITA HASiL



## ANTARA INTIPATI:

- Perkembangan pendigitalan sistem percukaian
- Usaha meningkatkan pematuhan cukai serta literasi percukaian
- Inisiatif tanggungjawab sosial HASiL

Menyingkap Inspirasi di Sebalik Kepimpinan :

**YBrs. Puan Norfaidah binti Daud**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar)

# SIJIL PEMATUHAN CUKAI

## *(Tax Compliance Certificate, TCC)*

**01** Dokumen rasmi yang mengesahkan pembayar cukai telah menunaikan tanggungjawab percukaian.

**02** Syarat kelayakan TCC yang berstatus 'Patuh':

1. Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dikemukakan dalam tempoh ditetapkan, dan
2. Tiada tunggakan cukai atau terikat dengan pelan ansuran yang diluluskan.

**03** Keperluan utama untuk penyertaan tender kerajaan

**04** Dikeluarkan secara digital melalui portal MyTax

**Rujuk maklumat lanjut di sini**

Garis Panduan Operasi TCC

LHDN MALAYSIA

# PERINGATAN!

MESEJ AMARAN

## WASPADA SINDIKET PENIPUAN PERCUKAIAN

OK

## Semak dengan HASiL melalui:

- HASiL Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara)
- HASiL Live Chat
- Borang Maklum Balas HASiL di https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/
- Hadir ke pejabat HASiL yang berdekatan;

**Jangan dedahkan butiran perbankan;**

**Jangan klik pada pautan mencurigakan;**

**Bayaran cukai hanya melalui saluran rasmi HASiL;**

**Pastikan e-mel rasmi HASiL menggunakan *domain* @hasil.gov.my.**

LHDN MALAYSIA



# HASiL

**Terus komited dalam memperkukuh sistem percukaian negara melalui transformasi digital, penguatkuasaan yang telus dan libat urus berterusan dengan masyarakat.**

**Ikuti HASiL di:**

- **www.hasil.gov.my**
- **03-8911 1000**
- **HASiLMalaysia**
- **@HASiL_Malaysia**
- **@hasil_malaysia**

*Cukai Anda, Masa Depan Kita*